



KOMUNIKASI ANAK-ANAK TERHADAP IBU BAPA CACAT PENGLIHATAN DI TAMAN RAHMAT, TERENGGANU: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

(Communication Between Children and Visually Impaired Parents in Taman Rahmat, Terengganu: An Analysis From Islamic Perspective)

¹SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSIN

¹TENGKU FATIMAH MULIANA TENGKU MUDA

¹SITI FATIMAH SALLEH

²AZLINA ABDULLAH

¹SITI HAJAR ABDUL RAUF

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

²Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi
Selangor.

ABSTRAK

Komunikasi anak-anak terhadap ibu bapa amat dititikberatkan dalam Islam dan pemahaman tentang kaedah komunikasi yang dianjurkan Islam amat penting lebih-lebih lagi bagi mereka yang berhadapan dengan ibu bapa kurang upaya seperti golongan cacat penglihatan. Al-Quran dan hadis menggariskan beberapa panduan berkomunikasi bagi seseorang anak terhadap ibu bapa agar setiap ungkapan yang dituturkan oleh anak-anak bersesuaian dengan kedudukan ibu bapa yang tinggi di sisi Islam. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan bentuk komunikasi anak-anak terhadap ibu bapa cacat penglihatan di Taman Rahmat dengan memberi tumpuan kepada kata nama panggilan untuk ibu bapa, sahutan panggilan daripada anak, gaya bahasa percakapan harian dan respons yang diberikan oleh anak-anak terhadap permintaan ibu bapa. Analisis dibuat daripada data kualitatif yang diperoleh daripada temu bual semi-struktur secara mendalam dan juga permerhatian dalam kalangan keluarga responden. Hasil kajian mendapati anak-anak dalam kalangan ibu bapa cacat penglihatan menggunakan panggilan yang baik seperti mak, ayah atau abah, dan menggunakan gaya bahasa percakapan yang baik sepetimana

Corresponding author: Syh Noorul Madibah Syed Husin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu, Mel-e: madibah@unisza.edu.my

Diserahkan: 5 Februari 2013

Diterima: 9 Januari 2014



yang diharapkan oleh ibu bapa mereka sejajar dengan tuntutan agama. Namun demikian, kajian juga mendapat terdapat anak-anak yang masih belum mempersempitkan komunikasi terbaik menurut perspektif Islam terutamanya dalam aspek sahutan panggilan ibu bapa dan respons kepada panggilan mereka. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pelbagai pihak berkepentingan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kecaknaan anak-anak dalam aspek komunikasi terhadap ibu bapa cacat penglihatan di samping menambah luas korpus ilmu dalam bidang yang berkaitan dengan komunikasi dan keluarga.

Kata kunci: komunikasi, cacat penglihatan, buta, keluarga Islam, Terengganu.

ABSTRACT

Communication between children and their parents is given priority in Islam. The understanding on child-parent code of communication is also important especially to those with disabled parents such as the visually impaired or blind. Al-Quran and Hadith have outlined some guidelines on child-parent communication code that suits the high position of parents as addressed in great detail in Islam. The objective of this article is to discuss the type of communication of the children with visually impaired or blind parents. The article focuses on call name for parents, answer calls from children, daily colloquial style and response given by children against their parents' demands. Analysis is made of the qualitative data obtained from semi-structured interviews and observations among respondents. The study found that the children address their parents using appropriate names such as 'mak' for mother; 'ayah' or 'abah' for father; and practice good colloquial style as expected by their parents in accordance with their religious obligations. However, the study also found that there are few children who have yet to present the best communication practice from the Islamic perspective, particularly in terms of respond to parents' calls and demands. The study is expected to provide input to various stakeholders to increase awareness among children especially regarding to communication with visually impaired or blind parents, and accordingly adds value to the corpus in the areas of communication and family.

Keywords: communication, visually impaired, blind, Islamic family, Terengganu.

PENGENALAN

Komunikasi yang merupakan alat untuk menyampaikan maksud serta maklumat antara ahli keluarga adalah instrumen penting bagi mengeratkan perhubungan antara keluarga di samping memupuk keharmonian hidup (Saodah 2005). Kemahiran berkomunikasi memainkan peranan yang signifikan di dalam kehidupan sehari-hari (Abdullah 2002) kerana kesan komunikasi yang baik akan menjadikan perhubungan kekeluargaan bertambah erat serta hidup dalam kerukunan dan kedamaian (Abd Rahim 2006). Al-Quran telah memberi



*Komunikasi Anak-Anak Terhadap Ibu Bapa Cacat Penglihatan di Taman Rahmat, Terengganu:
Analisis Menurut Perspektif Islam*

penekanan kepada bentuk komunikasi sesama manusia secara umum. Allah SWT telah mengajar manusia cara berkomunikasi sesama manusia dalam membentuk masyarakat yang saling faham memahami antara satu sama lain seterusnya menimbulkan perasaan kasih dan sayang sesama manusia (al-Zuhayli 1998). Firman Allah SWT:



Maksudnya:

“Dialah yang telah membolehkan manusia (bertutur) memberi dan menerima penyataan.”

(al-Rahman: 4)

Komunikasi perlu diharmonikan oleh setiap ahli keluarga, lebih-lebih lagi bagi seorang anak terhadap ibu bapa. Anak-anak bukan sahaja digalakkan berkomunikasi secara berkesan dengan ibu bapa, bahkan diwajibkan berbuat ihsan atau baik kepada mereka dalam apa jua bentuk sekali pun (Mustafa 1992). Dalam kehidupan sebuah keluarga yang mempunyai pasangan ibu bapa cacat penglihatan, kekurangan dari segi penglihatan bukan halangan kepada kewajipan seorang anak melaksanakan komunikasi sepertimana yang digariskan oleh Islam terhadap ibu bapa mereka. Bahkan peranan mereka menjadi lebih berat daripada anak-anak yang mempunyai ibu bapa normal. Disebabkan pergerakan ibu bapa mereka terbatas, anak-anak perlu memberi bantuan dari segi moral dan fizikal dalam meneruskan kehidupan harian. Realiti yang berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini, masih terdapat sesetengah pihak yang belum memahami dan menghayati keperitan serta kesusahan yang dialami oleh orang kelainan upaya termasuklah mereka yang cacat penglihatan. Media massa banyak memaparkan kes-kes tentang mereka termasuk isu pengabaian golongan ini oleh anak-anak mereka yang normal, bahkan sesetengah ibu bapa cacat penglihatan berasa dipinggirkan dalam banyak perkara (Utusan Online 10 Januari 2007). Kajian juga menunjukkan golongan kurang upaya penglihatan menghadapi konflik psikologi yang memerlukan sokongan dari sekeliling. Tunde-Ayinmode, Akande dan Popoola (2011) dalam kajiannya menyatakan bahawa kebolehupayaan orang kurang upaya penglihatan untuk membuat penyesuaian akan terikat dengan empat domain utama iaitu; psikologinya, kehidupan perkahwinan, kekeluargaan dan pekerjaan. Permasalahan yang berkait dengan domain utama ini akan mempengaruhi kualiti hidup seseorang OKU penglihatan ini. Kajian tersebut juga menunjukkan 62% daripada responden OKU penglihatan melaporkan emosi tidak gembira, manakala 44% menyatakan mereka merasakan tidak dapat memainkan peranan dalam kehidupan. Isu-isu seperti ini perlu ditangani bermula dari institusi keluarga terutamanya anak-anak selaku komuniti sosial yang paling hampir dengan golongan kelainan upaya ini. Sokongan dan bantuan dari anak-anak ini bukan sahaja berbentuk fizikal, malah ia perlu turut melibatkan sokongan emosi melalui komunikasi yang efektif dan kondusif bagi mengelakkan timbulnya perasaan dipinggirkan. Sepertimana firman Allah SWT:



فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْكُنْتَ فَظَّاعِلِيَّظَ الْقُلُوبُ
لَا نَضُو أَمْنَ حَوْلَكَ

Maksudnya:

“Maka berkat rahmat Allah engkau (Muhammad) berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya engkau bersikap keras dan berhati kasar, tentulah mereka menjauahkan diri dari sekitarmu....”

(Ali-Imran: 159)

Kajian empirikal lepas seawal tahun 1980-an oleh Barnes dan Olson (1985) dalam bidang komunikasi keluarga juga menunjukkan bahawa hubungan yang erat antara ibu bapa dan anak akan melibatkan komunikasi yang baik, level kohesi dan kemampuan untuk menyesuaikan diri antara satu sama lain yang tinggi. Menurut mereka, komunikasi yang berkesan ini akan seterusnya meningkatkan kualiti hidup keluarga secara keseluruhan. Kajian oleh E. Cichy, Lefkowitz dan Fingerman (2012) pula menunjukkan ibu bapa dan anak berbeza dari segi respons apabila berhadapan dengan konflik, iaitu sama ada bersikap *conflict engagement behaviour* atau *conflict disengagement behaviour*. Menurut kajian tersebut, ibu bapa lebih terdorong bersikap ‘*conflict engagement behaviour*’ atau cuba mengubah perlakuan anak, manakala anak terutama remaja akan terdorong untuk bersikap ‘*conflict disengagement*’ iaitu mengelak untuk membuat perubahan dan lebih suka untuk kekal dengan perlakuan mereka. Reaksi mereka dalam menangani konflik ini seterusnya akan memberi kesan kepada kualiti hubungan antara ibu bapa dan anak. Oleh itu, komunikasi yang bukan sahaja baik malah bertepatan dengan kehendak Islam sudah tentu mampu menzahirkan kebahagian kepada ibu bapa, kerana apa yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah merupakan manual kehidupan yang terbaik untuk segenap masyarakat.

Sehubungan itu, artikel ini membincangkan corak komunikasi antara seorang anak dengan ibu atau bapa atau kedua-duanya yang cacat penglihatan, sama ada komunikasi yang diamalkan menepati kaedah komunikasi menurut Islam atau sebaliknya. Artikel ini adalah berdasarkan kepada sebahagian daripada hasil kajian bertajuk “Masalah dan Cabaran yang Dihadapi oleh Ahli Keluarga yang Mempunyai Ibu Bapa Kurang Upaya Penglihatan di Taman Rahmat, Marang, Terengganu.”

KONSEP KOMUNIKASI DENGAN IBU BAPA DALAM ISLAM

Komunikasi dari perspektif Islam didefinisikan sebagai satu proses penyampaian atau pertukaran perutusan dan maklumat dengan menggunakan prinsip dan kaedah komunikasi yang terdapat dalam al-Quran dan hadis (Mohd Yusof 1990). Manakala dalam ilmu sains



*Komunikasi Anak-Anak Terhadap Ibu Bapa Cacat Penglihatan di Taman Rahmat, Terengganu:
Analisis Menurut Perspektif Islam*

sosial pula definisinya tidak jauh beza dengan pengertian dalam Islam. Komunikasi ditakrifkan sebagai penyampaian maklumat melalui satu perutusan yang mempunyai pelbagai atau sedikit makna melalui simbol-simbol yang dialirkan daripada satu individu kepada individu lain, daripada anggota kumpulan kepada anggota kumpulan yang lain (Hashim 2001). Islam menganjurkan kepada umatnya agar menitik berat dalam soal berkomunikasi melalui firman Allah.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Maksudnya:

“wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan berkata-katalah dengan tepat.”

(al-Ahzab: 70)

Dalam sepotong ayat dari Surah al-Imran, Allah SWT menggesa manusia untuk menyeru kepada kebajikan dan melarang kepada kemungkaran.

وَلَتَكُن مِّنَ الْمُكَفَّرِينَ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Maksudnya: *“dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji).”*

(Ali Imran: 104)

Gesaan ini tidak akan tercapai melainkan melalui proses komunikasi antara manusia. Rasulullah SAW juga menyebut dalam sabda baginda (al-Bukhari 2000, no. hadis 3461; al-Tirmizi 2004, no. hadis 2669):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُوْ : «أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
(بَلَغُوْا عَنِّيْ وَلَوْ آيَةً...) .»

Maksudnya:

“Daripada Abdullah bin Amr: Sesungguhnya Nabi SAW berkata, sampaikanlah daripadaku walau pun sepotong ayat.”

Di dalam Syarah Jami' al-Tirmizi menjelaskan kehendak “sepotong ayat” membawa beberapa makna, antaranya bererti sampaikanlah walau sepotong ayat al-



Quran. Dalam dimensi lain dikatakan membawa makna percakapan baik atau yang berfaedah dan bermanfaat selaras dengan ciri-ciri agama Islam iaitu “*al-Din al-Nasihah*” (al-Mubarakfuri t.th).

Kebolehan dan kemajuan berkomunikasi merupakan salah satu alat pengukur yang boleh digunakan untuk mengetahui sejauh mana hubungan atau interaksi dalam sesebuah keluarga telah diwujudkan. Melalui komunikasi juga dapat diukur setakat mana kebahagiaan dan keharmonian rumah tangga telah dicapai (Hasan 1996). Komunikasi antara seorang anak dan ibu bapa amat dititikberatkan dalam Islam, lebih-lebih lagi bagi anak yang berhadapan dengan ibu bapa yang kurang berkemampuan dari segi fizikal seperti golongan cacat penglihatan. Ini sebagaimana yang dirakamkan dalam kisah seorang *tabi'in* bernama Uwais al-Qarni yang sangat soleh, sabar dan taat menjaga ibunya yang tua dan buta sehingga beliau diiktiraf oleh Rasulullah SAW sebagai penghuni langit (Ibn Hajar 1978).

Asas utama kepada kewajipan berkomunikasi secara harmoni dan kondusif di dalam Islam adalah berdasarkan sepotong ayat al-Quran.

﴿ وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا إِمَّا
يَجْلِفَنَّ عِنْدَكُمْ كَبَرٌ أَحَدُهُمَا أَوْ كَلَاهُمَا فَلَا تَقُولْ لَهُمَا
أُفِّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قُلْ لَكَرِيمًا ﴾
٢٢

Maksudnya:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan «Ha», dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

(al-Isra': 23)

Ayat ini secara jelas menyebut tentang kepentingan menjaga ibu bapa terutamanya ketika mereka sudah tua lebih-lebih lagi apabila mereka berada di dalam jagaan anak. Suruhan berbuat baik kepada ibu bapa ini disebut selepas suruhan mentauhidkan Allah SWT, sekali gus menunjukkan turutan keutamaan adab dengan ibu bapa yang sangat dititik



*Komunikasi Anak-Anak Terhadap Ibu Bapa Cacat Penglihatan di Taman Rahmat, Terengganu:
Analisis Menurut Perspektif Islam*

beratkan di dalam Islam. Sayyid al-Qutb (2000) menyifatkan larangan mengeluarkan kata-kata kasar terhadap ibu bapa di dalam ayat tersebut adalah peringkat pertama dari peringkat-peringkat memelihara adab sopan dan pergaulan dengan ibu bapa. Penggunaan lafaz ‘*qaulan kareema*’ juga menurut beliau menunjukkan cara komunikasi positif yang paling utama, iaitu dengan menggunakan kata-kata yang mulia.

Berdasarkan ayat tersebut juga, seorang anak dituntut untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap kata-katanya dalam komunikasi sehari-hari agar tidak menyakiti hati ibu atau bapanya (Johari 1992).

Firman Allah SWT:

وَلَا خِفْضٌ لِّهُمَا جَنَاحَ الْذُّلُّ مِنَ الرَّحْمَةِ

Maksudnya:

“Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana kasih sayang.”

(al-Isra: 24)

Sayyid Qutb (2000) menyifatkan usul yang begitu lembut ini merujuk kepada perasaan kasih sayang yang amat halus. Menurut beliau lagi ayat ini menggambarkan seolah-olah sikap rendah diri itu mempunyai sayap yang boleh direndahkan untuk menyatakan rasa damai dan ketaatan kepada ibu bapa.

Apabila dikaitkan dengan kerendahan diri, sudah tentu bentuk panggilan yang melambangkan rasa hormat juga perlu diambil perhatian sebagai salah satu dari kaedah komunikasi yang dianjurkan dalam Islam. Oleh itu, menjadi satu kewajipan kepada anak-anak untuk memanggil atau menyeru ibu bapa dengan menggunakan kata nama panggilan yang baik dan menyenangkan hati mereka (Amina 1994). Islam juga menggesa anak-anak agar menyahut panggilan atau seruan ibu bapa dengan cara yang baik (Umar 1983). Mereka tidak sewajarnya memanggil ibu atau bapa mereka dengan nama sebenar ibu atau bapa mereka (al-Afifi 1986) seperti memanggilnya dengan nama “Ismail, Ahmad, Isa, Maryam, Fatimah dan sebagainya.” Panggilan yang seumpama ini tidak wajar digunakan oleh anak-anak kepada kedua ibu bapa mereka.

Dari aspek lengkok bahasa ketika berkomunikasi dengan ibu bapa pula, seseorang anak mestilah menggunakan bahasa lemah lembut yang menyenangkan dan menggembirakan hati ibu bapa mereka (Ahmad Hasan 1997). Anak-anak tidak sewajarnya bersuara tinggi, bertikam lidah, bermasam muka, melihat dengan pandangan mata yang tajam, berkata-kata sambil menjeling, bercakap dalam keadaan membela-kangi atau tidak melihat wajah ibu bapa dan yang seumpamanya ketika berkomunikasi dengan ibu bapa mereka. Ini kerana antara tanda ketaatan seseorang anak terhadap ibu bapa adalah tidak



mengungkapkan atau melakukan sebarang perkara yang boleh menyakitkan hati mereka (Yusri 2006). Sekali pun jika berlaku perselisihan pendapat yang sudah pasti akan berlaku salah faham tentang sesuatu perkara, seorang anak hendaklah mengalah dan akur kepada keputusan kedua ibu bapa, kecuali keputusan ibu atau bapa itu bertentangan dengan ajaran agama (Johari 1992).

Selain itu, antara hak ibu bapa adalah mendapat ketaatan dari anak-anak dalam apa jua bentuk suruhan dan arahan daripadanya selagi mana ia tidak bercanggah dengan prinsip agama. Ini bermakna seorang anak wajib mentaati segala perintah ibu dan bapa melainkan pada suruhan melakukan perkara haram atau bertentangan dengan ajaran Islam (Ahmad Isa 1991). Menurut al-Qurtubi (1980) tidak perlu mentaati ibu bapa dalam perkara yang melibatkan dosa besar dan perkara yang meninggalkan kefarduan, sebaliknya wajib mentaati mereka dalam perkara yang harus semata-mata. Manakala hukum mentaati ibu bapa menjadi sunat ketika menunaikan perkara sunat dan fardu kifayah.

Kewajipan mentaati perintah ibu bapa ini juga termasuklah terhadap ibu bapa yang tidak beriman selagi mana ia tidak menyalahi syarak (Ahmad Isa 1991). Perkara ini telah disebut dengan jelas oleh Allah SWT.

وَإِنْ جَهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لِكَ بِهِ
عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفٌ

Maksudnya:

“Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekuatku dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik....”

(Lukman: 15)

Ayat tersebut menunjukkan sifat penyayang Allah SWT kepada hamba-Nya sekali pun mereka syirik dan ingkar kepada suruhan-Nya. Perintah ketaatan dalam ayat tersebut jelas ditujukan kepada ibu bapa bukan Islam. Dalam soal ketaatan anak kepada mereka, Islam masih mewajibkan anak mentaati dan berbuat baik terhadap ibu bapa. Allah SWT berfirman yang maksudnya:

فَقُولَا لَهُمْ قَوْلًا لَّيْتَنَا عَلَاهُ وَيَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤﴾

“Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut mudah-mudahan dia sedar atau takut.”

(Taha: 44)



*Komunikasi Anak-Anak Terhadap Ibu Bapa Cacat Penglihatan di Taman Rahmat, Terengganu:
Analisis Menurut Perspektif Islam*

Khitab ayat ini ditujukan kepada Musa dan Harun ketika diperintahkan untuk menghadapi Firaun agar keduanya berkata kepada Firaun dengan perkataan yang lembut. Menurut al-Razi (1997) walaupun Firaun adalah seorang yang sangat zalim, tetapi Musa disuruh menggunakan perkataan yang *layyin* atau lembut apabila berbicara dengan Firaun kerana Musa pernah dijaga, dididik dan ditanggung kehidupannya oleh Firaun semasa bayi hingga dewasa. Justeru, jika dihayati, mentaati ibu bapa yang Islam sudah tentu lebih utama pelaksanaannya jika dibandingkan dengan ibu bapa atau penjaga bukan Islam, dengan tidak mengurangkan hak dan kewajipannya atas alasan perbezaan agama.

Walau bagaimanapun Islam sebagai agama yang cukup sempurna juga mengajarkan cara dan adab berkomunikasi jika sesuatu suruhan atau permintaan itu tidak dapat dipenuhi iaitu menolak permintaan dengan *qaulan maisura* atau cara yang cukup lemah lembut. Allah SWT berfirman:

وَإِمَّا تُعْرَضَ عَنْهُمْ أَبْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِّنْ رَّبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ
٢٨
لَهُمْ قَوْلًا مَّيْسُورًا

Maksudnya:

“Dan jika engkau berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat daripada Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakalah kepada mereka ucapan yang lembut.”

(al-Isra: 28)

Dalam satu riwayat oleh Said bin Mansur daripada Atha al-Kurasani, orang-orang dari Muzainah telah meminta bantuan kepada Rasulullah SAW agar diberikan kepada mereka kenderaan sebagai kegunaan berperang fisabilillah. Rasulullah SAW menjawab, “Aku tidak ada lagi kenderaan untuk kamu.” Mereka berpaling dengan sedih dan merasakan bahawa Rasulullah marah kepada mereka. Maka turunlah ayat ini (surah al-Isra': 28) sebagai petunjuk kepada Nabi agar menolak permohonan dengan lembut (al-Sayuti 2008).

OBJEKTIF DAN FOKUS KAJIAN

Tujuan utama kajian adalah untuk mengenal pasti kaedah komunikasi anak yang normal dengan ibu atau pun bapa atau kedua-duanya cacat penglihatan, sama ada menepati kaedah komunikasi individu muslim dengan ibu bapa atau pun sebaliknya. Bagi mencapai objektif, kajian akan menumpu kepada aspek panggilan anak terhadap ibu bapa, bentuk sahutan, gaya bahasa percakapan harian dan respons terhadap permintaan ibu bapa. Dalam aspek panggilan anak terhadap ibu bapa cacat penglihatan, anak-anak



ditanya tentang panggilan yang biasa digunakan oleh mereka sama ada sesuai digunakan ataupun boleh menyakitkan hati seseorang ibu bapa. Manakala dalam aspek bentuk sahutan, kajian menumpukan kepada ayat-ayat yang digunakan oleh anak-anak ketika menyahut panggilan ibu bapa. Aspek gaya bahasa komunikasi harian antara seorang anak dengan ibu bapa pula memfokuskan kepada lengkok bahasa termasuk bahasa badan yang digunakan oleh anak-anak. Respons anak-anak terhadap suruhan atau permintaan ibu bapa juga menjadi tumpuan kajian dengan menekankan kepada kepatuhan terhadap permintaan ibu bapa dari segi komunikasi dan kesungguhan untuk melaksanakannya.

LOKASI, TEMPOH DAN METODE KAJIAN

Kajian “Masalah dan Cabaran yang Dihadapi oleh Ahli Keluarga yang Mempunyai Ibu Bapa Kurang Upaya Penglihatan di Taman Rahmat, Marang, Terengganu” telah dijalankan di sebuah perkampungan orang kelainan upaya, miskin dan tua yang tidak berkemampuan dari segi tempat tinggal. Perkampungan ini dikenali sebagai Taman Rahmat. Pembinaannya telah dirancang dan diluluskan oleh kerajaan negeri Terengganu pada tahun 1979 dan mula ditubuhkan pada tahun 1981. Taman Rahmat terletak di Pulau Kerenga, Marang, Kuala Terengganu dan mempunyai keluasan seluas 45 ekar. Daripada keluasan tersebut, hanya 25 ekar tanah sahaja telah dibina rumah penempatan (Laporan Minit Mesyuarat Pembangunan Semula Komuniti Taman Rahmat Bil 1/2008, Ms 6 & Temu bual bersama En Tahir bin Musa, Penggerusi Jawatankuasa Kebajikan Penduduk Taman Rahmat 2011). Rasional pemilihan lokasi ini adalah kerana Taman Rahmat merupakan penempatan khas bagi komuniti kelainan upaya yang mempunyai kapasiti penghuni seramai 70 buah keluarga. Daripada jumlah itu, seramai 15 buah keluarga adalah dikenal pasti sebagai cacat penglihatan.

Pengumpulan data bermula Disember 2010 hingga April 2011. Sampel dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan juga pensampelan *snowball* yang terdiri daripada 34 orang informan daripada 15 buah keluarga. Hanya keluarga yang mempunyai salah seorang atau kedua-dua ibu bapa cacat penglihatan sahaja di pilih sebagai sampel kajian. Menurut Bishop (1996); Hazekamp dan Huebner (1989) dipetik dalam William L. Heward (2000), konsep cacat penglihatan boleh dikelaskan kepada tiga kategori utama, iaitu *totally blind* (buta), *functional blind* (cacat penglihatan yang *functional*) dan *low vision* (rabun). Kajian ini hanya menumpu kepada keluarga yang mempunyai ibu atau bapa atau kedua-duanya yang (i) buta sepenuhnya dan (ii) cacat penglihatan yang *functional*.

Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Data-data dipungut dengan menggunakan kaedah temu bual semi-struktur dan pemerhatian ke atas interaksi anak-anak dengan ibu bapa semasa lawatan ke rumah dilakukan. Temu bual secara bersemuka telah dilakukan terhadap semua responden dan informan bagi mendapatkan maklumat secara mendalam dengan menggunakan soalan berbentuk semi struktur berdasarkan objektif kajian. Pada masa yang sama, pemerhatian juga dilakukan untuk mendalami bahasa badan dan tingkah laku anak-anak ketika berkomunikasi dengan



*Komunikasi Anak-Anak Terhadap Ibu Bapa Cacat Penglihatan di Taman Rahmat, Terengganu:
Analisis Menurut Perspektif Islam*

ibu bapa mereka. Memandangkan kajian ini melibatkan sampel yang kecil maka data-data temu bual telah ditranskripsi secara manual tanpa menggunakan perisian komputer. Interpretasi dari data temu bual dan pemerhatian telah digabungkan dan disusun mengikut empat tema yang telah dipilih sebagai skop kajian.

KOMUNIKASI

Hasil daripada temu bual dan pemerhatian yang telah dijalankan, berikut adalah dapatan kajian berdasarkan aspek-aspek kajian:

Nama Panggilan Terhadap Ibu Bapa

Hasil daripada pemerhatian sepanjang menjalankan sesi temu bual bersama responden didapati majoriti anak-anak memanggil ibu mereka dengan panggilan mak, manakala ayah atau abah untuk panggilan kepada bapa. Tiada seorang pun responden yang memanggil ibu bapa mereka dengan kata nama yang tidak menyenangkan di hadapan penyelidik ketika kajian dijalankan. Sebagai contoh responden 1 yang mempunyai ibu kurang pendengaran (R1), beliau telah menerangkan keadaan ibunya kepada pengkaji dengan menggunakan gelaran 'mak' terhadap ibunya. Menurut R1 “*mak ada masalah sikit dari segi pendengaran. Nanti tetamu pulang, saya akan ceritakan padanya apa tujuan akak datang sekarang. Dia kurang faham apa yang akak tanya ni.*”

Sahutan Panggilan

Daripada kajian yang dijalankan didapati tidak semua anak-anak memberi respons yang baik ketika dipanggil ibu atau pun bapa mereka. Hasil pemerhatian ketika menjalankan proses temu bual dengan R2, seorang anak perempuannya telah menjawab panggilan bapanya yang cacat penglihatan dengan nada yang agak tinggi dan dari jarak yang agak jauh. Begitu juga dengan anak perempuan kepada R3 yang ketika itu sedang berada di ruang dapur. Ketika penyelidik sedang menjalankan temu bual bersama ibu dan bapanya, anaknya sedang berada di dapur, dan tidak kelihatan keluar ke ruang tamu. Tidak lama kemudian, beliau memanggil anaknya bertujuan untuk memperkenalkan tetamu kepadanya. Namun panggilan beliau yang berada di ruang hadapan rumah tidak disahut. Akhirnya beliau terus mendiamkan diri tanpa mengulangi panggilan tersebut. Dari pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati beliau merasa malu dengan keadaan yang berlaku, dan terus menukar topik perbincangan. Dalam kes tersebut, kemungkinan untuk anaknya tidak mendengar terhadap panggilan itu adalah tidak berlaku, kerana ayahnya menggunakan nada suara yang tinggi, ditambah pula dengan ulangan suara oleh anak-anaknya yang lain.



Gaya Bahasa Percakapan

Sebahagian besar daripada ibu bapa yang cacat penglihatan menyatakan bahawa anak-anak mereka menggunakan bahasa dan nada suara yang baik dalam percakapan harian dengan mereka, tanpa mengeluarkan kata-kata yang kesat dan melukakan hati. R3 dan R4 mengakui bahawa anak-anak mereka tidak berkasar atau meninggikan suara dalam percakapan harian. Ini menunjukkan mereka telah berpuas hati dengan gaya bahasa dan nada suara yang digunakan oleh anak-anak ketika bercakap dengan mereka. Beberapa orang anak turut mengakui perkara yang sama. Bagi R5 yang merupakan menantu perempuan kepada seorang ibu cacat penglihatan, adik-adik iparnya iaitu anak-anak lelaki kepada ibu tersebut tidak pernah bercakap kasar atau meninggikan suara dengan ibu mereka, malah berkelakuan baik dalam urusan percakapan. Beliau menyatakan “*mereka ok semuanya ketika bercakap dengan mak. Walau pun mereka lelaki, tetapi dia orang hormat mak*”. Begitu juga dengan apa yang dinyatakan oleh R6, di mana anak-anak tidak pernah melawan ibu bapa kerana bapanya seorang yang amat tegas dan garang.

Walaupun majoriti responden menyatakan penggunaan bahasa dan nada suara percakapan harian anak-anak terhadap ibu dan bapa adalah baik, namun terdapat juga anak-anak yang mendiamkan diri sebagai tanda protes apabila ibu atau bapa menegur atau memarahi sesuatu perbuatan mereka. R7 menyatakan anaknya akan bertindak mendiamkan diri tanpa memberi sebarang respons apabila dia memarahinya. Beliau menyatakan “*kalau makcik meleter padanya, dia akan senyap, dan tidak berkata apa-apa*”. Walau pun pada zahir kenyataan itu tidak menampakkan anaknya itu memarahinya, namun tindakan tersebut telah digambarkan oleh ibunya sebagai tanda protes terhadap apa yang telah dituturkan oleh ibunya. R8 turut menyatakan keadaan yang sama apabila menyatakan “*...tak pernah...cuma mereka akan buat senyap jer lah apabila dimarah*” ketika ditanya adakah anak-anak pernah bersuara tinggi.

Respons Terhadap Permintaan Ibu Bapa

Pada awal temu bual tentang isu ini bersama responden, kesemua mereka menyatakan anak-anak akan mengikut arahan yang diberikan oleh ibu bapa dan tidak akan cuba membantah. Namun setelah temu bual dilakukan secara mendalam, beberapa orang ibu bapa telah menyuarakan tentang sikap anak-anak yang suka menangguhkan atau melambat-lambatkan permintaan atau suruhan mereka. R9 telah menyatakan “*dari segi percakapan tiada masalah, tetapi anak-anak suka menangguh jika disuruh buat sesuatu....*” R10 turut menyatakan perkara yang sama apabila ditanya adakah pernah rasa terkilan dengan tindakan anak-anak? Jawabnya “*...biasalah tu..., kadang-kadang terasa juga, tapi dalam perkara kecil sahaja, seperti sikap anak yang terlalu suka menangguh apabila diminta buat sesuatu*”. R9 dan R4 turut menyatakan, anak-anak bukan sekadar suka menangguhkan, malah beliau terpaksa mengulang acap kali tentang suruhannya, sama ada telah dilaksanakan atau pun belum dilaksanakan. R4 menyatakan “*anak kita suka menangguh apabila diarah. Jika diminta tolong, memanglah dia buat, tetapi lambatlah untuk melaksanakannya*.” Bagi R11 pula, sebagai bapa, kadang-kadang dia



lebih suka mengharapkan pertolongan dari orang lain daripada anaknya sendiri. Beliau menyatakan: “pernah saya mintak tolong anak lelaki saya buatkan meja makan di kedai ni (gerai makan), tapi tak buat. Baik saya suruh orang lain yang buatkan. Akhirnya saya buat sendiri sampai terluka tangan kena pahat, baru dia nak buat.” Dalam keadaan rasa terkilan, beliau merasakan perlakuan anaknya itu mungkin kerana didikannya yang kurang kepada anak-anak.

ANALISA KOMUNIKASI ANAK DENGAN IBU BAPA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Kata Panggilan

Telah menjadi satu kewajipan kepada anak-anak untuk memanggil atau menyeru ibu bapa dengan menggunakan kata nama panggilan yang baik dan menyenangkan hati mereka (Amina 1994). Bagi anak-anak kepada ibu bapa cacat penglihatan ini, walau pun ibu bapa mereka merupakan golongan yang mempunyai masalah dari segi penglihatan, namun mereka masih memberi penghormatan yang sewajarnya kepada ibu bapa mereka. Dalam berkomunikasi, sememangnya Islam amat menekankan untuk memanggil atau menyeru dengan panggilan yang menyenangkan. Perkara ini telah dicontohkan oleh Allah SWT dalam al-Quran ketika menyeru nabi dengan memulakan ayat-Nya “*wahai Nabi*”. Ini menggambarkan kata panggilan amat penting dalam komunikasi harian, lebih-lebih lagi komunikasi antara seorang anak dan ibu bapa mereka. Al-Quran juga telah memaparkan beberapa kisah nabi yang menggunakan kata panggilan yang memuliakan ibu bapa seperti kisah nabi Ismail berkomunikasi dengan bapanya nabi Ibrahim (Surah al-Soofat: 102), nabi Yusuf berbicara dengan bapanya nabi Yaakob (Surah Yusuf: 4) dan kisah dua orang anak perempuan nabi Syu'aib dengan bapanya (Surah al-Qasas: 26). Anak-anak dalam kisah ini telah menggunakan lafaz “*ya abati*” dalam perbualan mereka yang merujuk kepada ‘wahai bapa kesayanganku’. Panggilan yang dipaparkan oleh anak-anak dalam kajian ini adalah bertepatan dengan ajaran Islam apabila mereka menggunakan lafaz “*ibu*”, “*mak*”, “*ayah*”, atau ‘*abah*’, di mana kata panggilan seperti ini pada adat masyarakat Melayu merupakan kata panggilan yang mulia. Mereka juga tidak menggunakan nama peribadi ibu atau bapa mereka ketika berbual sepertimana yang dianjurkan oleh Islam (al-Affifi 1986).

Meninggikan Nada Suara

Penggunaan suara yang tinggi ketika menyahut seruan ibu bapa adalah satu amalan yang bertentangan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Isra’ ayat 23 yang bermaksud “*Maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan ‘ah’ dan janganlah kamu membentak mereka, dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.*” Imam Ibn Kathir telah menjelaskan bahawa tidak harus bagi seseorang anak memerdengarkan kepada ibu bapa kata-kata yang boleh menyakitkan hati mereka, dan perkataan ‘ah’ adalah serendah-rendah martabat bagi kata-kata tersebut (Ibn Kathir 1998).



Ada pun setinggi-tinggi martabat kata-kata yang baik pula adalah menggunakan kata-kata yang boleh memuliakan dan memberi penghormatan kepada mereka (Ahmad Faiz 1982). Meninggikan suara kepada ibu bapa cacat penglihatan adalah lebih besar kesannya berbanding dengan ibu bapa normal. Situasi ini dapat dilihat pada reaksi responden apabila anaknya meninggikan suara apabila dipanggil. Ini kerana dari satu perspektif ketataan anak-anak kepada ibu bapa ini diukur melalui pendengaran ibu bapa mereka, dan tidak melalui penglihatan seperti mana ibu bapa lain yang normal. Walaupun anak-anak mungkin berasakan perbuatan meninggikan suara adalah bagi membolehkan sahutan didengari ibu atau bapa mereka, namun perlakuan ini tetap tidak menggambarkan adab yang sebaiknya sebagaimana gambaran di dalam surah al-Isra' ayat 24, "*merendahkan sayap rendah diri...*" terhadap ibu bapa iaitu contohnya dengan bersegera mendapatkan ibu bapa apabila dipanggil walau anak-anak dalam keadaan kesibukan.

Penafian Sahutan

Reaksi anak yang tidak menyahut seruan ibu bapa berkemungkinan kerana anaknya berasa malu untuk memberi respons di hadapan tetamu. Namun, perkara seperti ini tidak sepatutnya menjadi amalan bagi seorang anak yang berhadapan dengan ibu bapa cacat penglihatan kerana Islam telah menganjurkan kepada seseorang anak agar berbangga dengan ibu bapa dan memuliakan mereka, walau apa pun keadaan mereka sama ada kekurangan dari segi fizikal atau mental. Antara cara untuk menunjukkan kebanggaan terhadap ibu bapa adalah terus menyahut dengan kata-kata yang baik kemudian mendatangi ibu bapa apabila dipanggil serta segera bertindak melaksanakan segala permintaan atau suruhan mereka (Fahd Khalil 2009).

Sifat malu tidak sepatutnya menafikan hak seorang ibu bapa untuk disahut panggilannya secara serta merta. Walau pun sibuk menguruskan sesuatu urusan, seseorang anak tidak seharusnya melengah-lengahkan sahutan apabila dipanggil oleh ibu atau bapa. Ia jelas terbukti apabila Islam mengharuskan orang yang sedang solat sunat untuk membatalkan solatnya semata-mata untuk menyahut seruan panggilan ibu atau bapa mereka (al-Zuhayli 1997).

Bahasa Percakapan

Penggunaan bahasa percakapan yang baik, lemah lembut dan tidak meninggikan suara daripada seorang anak terhadap ibu bapa boleh menambah perasaan kasih sayang seorang ibu atau bapa kepada anak. Ibu bapa akan rasa dihormati, dihargai dan disayangi apabila anak-anak menggunakan bahasa yang dianjurkan dalam Islam lebih-lebih lagi bagi golongan cacat penglihatan yang tidak berpeluang menatap wajah anak-anak mereka. Kata-kata yang indah sudah memadai untuk menggembirakan dan menyejukkan hati serta perasaan mereka.



Tidak Memberi Respons

Perbuatan segelintir anak-anak yang diam apabila ditegur mungkin juga bagi mengelakkan konflik sebagaimana Rasulullah SAW bersabda, “*Barang siapa beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, maka hendaklah ia berkata yang baik atau diam*” (al-Bukhari 2000, No. hadis 6018). Namun perbuatan mendiamkan diri kerana marah kepada ibu bapa merupakan salah satu isyarat atau bahasa badan yang juga termasuk dalam kategori komunikasi yang tidak dianjurkan dalam Islam. Rasulullah SAW pernah bersabda: “*tidaklah berbakti kepada ayahnya seorang yang memandang kepadanya dalam keadaan marah*” (al-Baihaqi). Hadis ini menggambarkan bahasa badan yang menggambarkan maksud negatif tidak seharusnya diperlakukan oleh seorang anak terhadap ibu bapa. Malah, seseorang anak wajib berinteraksi atau bermuamalah secara positif dan lemah lembut dengan kedua-dua ibu bapa mereka serta tidak mengherdik mereka sama ada dengan kata-kata muhu pun perbuatan (Ahmad Hasan 1997). Keadaan tidak memberi respons kepada panggilan ibu bapa ini boleh menyebabkan mereka tersentuh hati, kecewa dan berburuk sangka terhadap anak-anak walau pun pada hakikatnya mereka tidak dapat melihat secara fizikal perbuatan anak-anak tersebut.

Penangguhan Permintaan

Sikap menangguhkan terhadap perintah ibu bapa telah menggambarkan respons yang negatif dan tidak harmoni dari seorang anak dalam mentaati perintah atau arahan ibu bapa mereka. Sikap suka menangguhkan ini akan lebih menyulitkan ibu bapa yang cacat penglihatan, kerana mereka terpaksa mengulangi permintaan mereka disebabkan mereka tidak dapat melihat tindakan anaknya. Dalam membina komunikasi positif antara anak dan ibu bapa, seseorang anak sewajarnya tidak membuatkan ibu bapa mereka berasa sedih hati atau menyebabkan mereka menitiskan air mata atas perbuatan anak tersebut. Luahan salah seorang responden juga menunjukkan seolah-olah beliau menyalahkan diri sendiri dan merasakan kurang didikan terhadap anaknya menjadi punca anaknya tidak mendengar kata. Perkara seperti ini adalah termasuk dalam kategori penderhakaan terhadap ibu bapa (Ahmad Isa 1991).

KESIMPULAN

Berdasarkan dari apa yang dibincangkan di atas, didapati komunikasi harian anak-anak terhadap ibu bapa mereka yang cacat penglihatan telah memaparkan beberapa bentuk komunikasi positif dan negatif dari kaca mata Islam. Antara aspek positif yang telah ditonjolkan adalah kata panggilan yang digunakan oleh anak-anak ketika berkomunikasi dengan ibu bapa mereka. Sepanjang pemerhatian yang dijalankan, walau pun ibu atau bapa mereka cacat penglihatan, tiada seorang pun anak-anak yang memanggil ibu bapa mereka dengan kata-kata yang tidak disukai oleh seseorang ibu bapa. Kata panggilan yang digunakan boleh mempengaruhi psikologi ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Kata panggilan yang kesat boleh menyebabkan ibu bapa terguris hati kerana ia melambangkan tanda tidak hormat kepada orang tua.



Selain itu, anak-anak turut menggunakan kata-kata yang baik ketika berkomunikasi dengan ibu bapa mereka. Walau pun mereka berhadapan dengan ibu bapa yang tidak mampu melihat, namun gaya bahasa mereka terhadap ibu bapa memuaskan. Keadaan ini boleh menggembirakan hati seorang ibu dan bapa. Namun begitu, kajian turut memaparkan komunikasi negatif yang masih ditonjolkan oleh anak-anak. Walau pun kajian hanya melibatkan temu bual dan pemerhatian, dapatkan telah menunjukkan masih terdapat anak-anak yang kurang mengambil endah terhadap panggilan ibu bapa. Keadaan ini tidak sepatutnya ditonjolkan oleh anak-anak, lebih-lebih lagi di hadapan penyelidik yang merupakan tetamu kepada responden. Ia boleh menyenggung perasaan ibu atau bapa dan mengaibkan mereka. Selain itu, sifat menangguhan permintaan ibu bapa juga merupakan bentuk komunikasi negatif.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pelbagai pihak berkepentingan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kecaknaan anak-anak dalam aspek komunikasi terhadap ibu bapa caca penglihatan di samping menambah luas korpus ilmu dalam bidang yang berkaitan dengan komunikasi dan keluarga.

RUJUKAN

- al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Minhaj* Jld. 27. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Abd. Rahim Abd. Rashid *et.al.* 2006. *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan. 2002. *Komunikasi untuk Pendakwah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ahmad Faiz. 1982. *Dustur al-Usrah fi Zilal al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Hasan Karzun. 1997. *Mazaya Nizam al-Usrah al-Muslimah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ahmad Isa Asyur. 1991. *Bir al-Walidain wa Huquq al-Aba' wa al-Abna' wa al-Arham*. Terj. M. Masruh Ahmad. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- al-Afifi, Thaha Abdullah. 1986. *Hak Orang Tua pada Anak & Hak Anak pada Orang Tua*. Indonesia: Dar El-Fikr.
- al-Asqalani, Ibn Hajar. 1978. *Al-Isobah fi Tamayiz al-Sohaba*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Isma'il. 2000. *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*. ed. Salih Ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam.



*Komunikasi Anak-Anak Terhadap Ibu Bapa Cacat Penglihatan di Taman Rahmat, Terengganu:
Analisis Menurut Perspektif Islam*

al-Mubarakfuri, Muhammad bin Abdurrahman bin Abdurrahim. t.th. *Tuhfah al-Ahwazi*.
Al-Sa'udiyyah: Baitul Afsar al-Dauliyah.

al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad. 1980. *Al-Jami' al-Ahkam al-Quran*. Qaherah: Dar
Sya'b.

al-Qutb, Sayyid. 2000. *Fi Zilalil Qur'an*. Terj. Yusof Zaky Yacob. Kota Bharu: Pustaka
Aman Press.

al-Razi, Fakhr al-Din. 1997. *Al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

al-Sayuti, Jalaluddin. 2008. *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*. Terjemahan: Panel
Penterjemah. Kuala Lumpur: Darul Fajr.

al-Tirmizi, Abu Musa Mahammad Ibn Isa. 2004. *Jami' al-Tirmizi*. Amman: Bayt al-Afsar
al-Dawliyyah.

al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Amina. 1994. *Remaja Berilmu, Beragama dan Berwawasan*. Kuala Lumpur: Darul
Nu'man.

Barnes, H.L. & Olson, D.H. 1985. Parent-Adolescent Communication and the Circumplex
Model. *Child Development Journal* 56(2): 438-447.

Cichy, K.E., Lefkowitz, E.S. & Fingerman, K.L. 2012. Conflict Engagement and Conflict
Disengagement during Interactions between Adults and Their Parents. *The
Journals of Gerontology*, Series B: Psychological Sciences and Social Sciences.
68(1). 31–40.

Fahd Khalil Zayid. 2009. *Fann al-Ta'amul ma'a Kibar al-Sinn al-Walidain*. Jordan: Dar
al-Nafa'is.

Hasan Mohd Ali. 1996. *40 Kesilapan Mendidik Anak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications
& Distributors Sdn Bhd.

Hashim Fauzy Yaacob. 2001. *Komunikasi antara Manusia*. Skudai: Universiti Teknologi
Mara.

Heward, W. 2000. *Exceptional Children to Special Education*. Upper Saddle River, New
Jersey: Mervil.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz. 1998. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut: Dar al-Fikr.



Johari Alias. 1992. *Menunaikan Kewajipan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mausu'ah al-Hadis al-Syarif. 2000. *al-Kutub al-Sittah*. Al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Dar al-Salam li al-Nasyri wa al-Tauzi'.

Tunde-Ayinmode, M.F., Akande, T.M. Ademola-Popoola, D.S. 2011. Psychological and Social Adjustment to Blindness: Understanding From Two Groups of Blind People in Ilorin, Nigeria. *Annals of African Medicine*.10 (2): 155-164.

Mohd. Yusof Hussain *et. al.* 1990. *Dua Puluh Lima Soal Jawab Mengenai Komunikasi Islam*. Serdang: Jabatan Komunikasi Pembangunan, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, UPM.

Mustafa Haji Daud. 1992. *Institusi Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saodah Wok *et.al.* 2005. *Teori-teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Publication.

Umar Hashim.1983. *Anak yang Salih*. Singapura: Pustaka Nasional.

Utusan Online. 2007. *Mengapa OKU Dipinggirkan*. <http://utusan.com.my>. 10hb Januari.

Yusri al-Sayyid Muhammad. 2006. *Huquq al-Insan fi Dhau'i al-Kitab wa al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

